

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN**
(INDERA MAHKOTA)
TARIKH : **03.04.2014 (KHAMIS)**
NO. SOALAN : **69**

Minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah Kementerian bersedia memberi kemudahan kredit bagi peniaga-peniaga dan usahawan-usahawan kecil dan sederhana memandangkan masih ramai peniaga dan usahawan merungut kesukaran mendapatkan kemudahan kredit dari bank-bank tempatan. Apakah perancangan Kementerian untuk membantu peniaga dan usahawan kecil dalam membantu merancakkan lagi ekonomi negara, sekali gus membantu menambah pendapatan keluarga.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan telah menyediakan pelbagai kemudahan kredit khusus bagi peniaga-peniaga dan usahawan-usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Secara keseluruhan bagi tahun 2013, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM17.7 bilion yang meliputi 61 skim pembiayaan kemudahan kredit bagi menampung permintaan daripada peniaga-peniaga PKS.

Skim-skim khusus ini disalurkan melalui pelbagai agensi Kerajaan dan institusi kewangan. Di antara skim pembiayaan yang disalurkan secara berterusan melalui institusi kewangan Kerajaan adalah seperti berikut:

- i. Lima (5) dana khas Bank Negara Malaysia untuk PKS, dengan kadar faedah di antara 3.75% hingga 6% setahun. Dana-dana tersebut adalah :
 - a. Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 (TIKS2);
 - b. Tabung Usahawan Baru 2 (TUB2);
 - c. Tabung Pemulihan Industri Kecil dan Sederhana;
 - d. Tabung Projek Usahawan Bumiputera; dan
 - e. Tabung Pemulihan dan Pembangunan Usahawan.

Pada akhir 2013, lebih daripada 58,000 PKS telah mendapat manfaat daripada dana-dana ini dengan pembiayaan yang diluluskan berjumlah RM24.3 bilion; dan

- ii. Skim *Pembiayaan Mikro*, di mana usahawan-usahawan mikro yang berdaya maju boleh mendapatkan pembiayaan tanpa cagaran sehingga RM50,000 untuk membiayai perniagaan mereka. Pada akhir 2013, lebih daripada 151,000 syarikat telah mendapat akses kepada Skim Pembiayaan Mikro dari sepuluh institusi kewangan dengan pembiayaan yang diluluskan berjumlah RM2.4 bilion.

Bagi PKS yang berhadapan dengan masalah tidak mempunyai cagaran, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) sentiasa membantu PKS untuk mendapatkan akses kepada pembiayaan

daripada institusi kewangan melalui khidmat jaminan kredit. Semenjak penubuhannya, CGC telah membantu hampir 420,000 PKS mendapatkan pembiayaan daripada institusi kewangan.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan terus menyokong usaha membangunkan usahawan sebagai salah satu sumber utama bagi menjana pertumbuhan ekonomi negara dan secara tidak langsung usaha-usaha ini dapat menambah pendapatan keluarga. Bagi tahun 2014 sahaja, melalui Bajet 2014, Kerajaan telah menyediakan kemudahan-kemudahan kredit kepada peniaga dan PKS seperti berikut:-

- Penyediaan pembiayaan mikro sebanyak RM300 juta kepada Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan sebanyak RM700 juta kepada Yayasan TEKUN Nasional (TEKUN);
- Pembiayaan di bawah Tabung Usahawan Siswazah yang dikendalikan oleh SME Bank berjumlah RM50 juta;
- Mewujudkan Skim Usahawan Pasar Malam di bawah kendalian Bank Simpanan Nasional berjumlah RM100 juta; dan
- Penubuhan Pusat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia atau (MaGIC) sebagai pusat sehenti yang antara lain menyediakan pusat inkubator, prasarana pembiayaan dan latihan untuk usahawan dengan peruntukan berjumlah RM50 juta.